

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: 14 Julai 2021 18:28
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Bangunkan Aplikasi 'UUM Parent' Mudahkan Waris Akses Maklumat Pelajar



UUM Corporate Comm.

Universiti Utara Malaysia

14 JULAI 2021 / 4 ZULHIJAH 1442H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: CIG, UUM Corporate Communication

UUM BANGUNKAN APLIKASI 'UUM PARENT' MUDAHKAN WARIS AKSES MAKLUMAT PELAJAR

The graphic is a promotional poster for the UUM Parent app. It features a large yellow speech bubble with the text "Jom Install dan Semak APLIKASI UUM PARENT". Below this, it says "Apps ini memudahkan ibu bapa mendapatkan maklumat berkaitan kelas, peperiksaan, kewangan dan kehadiran anak ke kuliah." (These apps make it easy for parents to get information about classes, exams, finance, and attendance of their children for college). On the left, there is a screenshot of the app's login screen with fields for "Parent IC/ID" and "Student Matric Number", and a "SIGN IN" button. At the bottom, a hand is shown holding a smartphone displaying the "UUM Parent" app icon. The background includes the UUM logo and a stylized illustration of a university building. The bottom of the graphic contains various logos and text, including "cig", "BERSAMA SAMA MELAWAN COVID-19", "#kitajagakita", "1574V HOME", and "LINDUNG DIRI, LINDUNG SEMUA".

UUM ONLINE: Perkembangan teknologi moden hari ini membolehkan segala maklumat hanya didapati di hujung jari sahaja sehingga menyebabkan kebergantungan terhadap teknologi sangat tinggi.

Kemajuan teknologi terkini juga telah mendorong Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk membangunkan aplikasi 'UUM Parent' khusus untuk ibu bapa mendapatkan maklumat tentang kelas, peperiksaan, kewangan dan kehadiran anak mereka ke kuliah sepanjang pengajian di universiti ini.

Naib Canselor, Prof. Dato' Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, aplikasi yang dibangunkan UUMIT pada Jun tahun lalu mula digunapakai pada November lalu dan ia boleh dimuat turun dari Google Play, Apple Store atau Huawei AppGallery.

Menurutnya, tidak dinafikan, teknologi canggih banyak memanfaatkan masyarakat dalam pelbagai aspek termasuk pendidikan. Aplikasi 'UUM Parent' ini memberikan pelbagai maklumat kepada ibu bapa atau waris untuk memantau anak mereka seperti prestasi akademik, kehadiran ke kuliah dan kewangan.

Di samping itu, katanya, ibu bapa dapat akses info dengan segera tanpa perlu hadir ke universiti atau bertemu pensyarah bagi mengetahui perkembangan anak mereka.

"Tidak kira di mana jua ibu bapa berada, mereka boleh mengetahui tentang program, pusat pengajian dan alamat penginapan anak mereka di sini.

"Ibu bapa hanya perlu log masuk dengan memasukkan nombor kad pengenalan atau MyKad mereka sebagai '*Username*' berserta nombor matrik pelajar sebagai '*Password*', sekali gus menjadikan aplikasi ini sangat memudahkan waris untuk mendapat maklumat yang tepat berkaitan pengajian anak mereka," katanya.

Naib Canselor berkata, 'UUM Parent' juga membolehkan ibu bapa mendapat maklumat tentang program atau aktiviti yang berlangsung di dalam kampus.

Menurutnya, aplikasi tersebut juga secara tidak langsung akan mengurangkan kebergantungan ibu bapa sebanyak 100 peratus kepada pihak universiti untuk menguruskan anak-anak mereka, sebaliknya bekerjasama dengan universiti untuk memastikan kelancaran pengajian pelajar sepanjang di UUM.

Katanya, dengan kemudahan teknologi dan inovasi yang disediakan UUM itu diharapkan akan memanfaatkan ibu bapa dan beliau akui kemajuan teknologi menjadi kelebihan kepada semua termasuk waris terutamanya di era moden ini yang sentiasa memerlukan jawapan pantas.

"Kemudahan teknologi ini bukan lagi sebagai satu kehendak tetapi keperluan dan ia memudahkan komunikasi antara manusia tanpa mengira masa dan jarak pada hari ini," katanya.

UUM
CORPORATE COMM.

☎ 04-928 3039/3040/3097/3042/3052/3048/3049
☎ 04-928 3053
✉ ukkuum@uum.edu.my
📍 Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.